

# 6,000 pencarum KWSP daftar haji

**K**UALA LUMPUR: Lebih 6,000 pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berpendapatan rendah mengambil peluang mendaftar menunaikan haji menggunakan Akaun 2 di seluruh kaunter Tabung Haji (TH) termasuk Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), bermula 2 Januari lalu.

Angka itu, sekali gus mencerminkan sambutan

**Info** ✓

Pencarum boleh daftar tunai haji menerusi simpanan minimum RM1,300 dalam Akaun 2 KWSP bermula 2 Januari lalu

menggalakkan daripada orang ramai terhadap pengumuman mengenai perubahan sistem kelayakan mengerjakan haji yang dibuat Perdana

Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika pembentangan Belanjawan 2012, Oktober lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata pihaknya berbangga dengan sambutan pencarum terhadap kemudahan berkenaan.

"Pada hari pertama (2 Januari) kemudahan itu dilaksanakan, kaunter kita penuh kerana ramai yang ingin mendaftar untuk menunaikan haji me-

nerusi simpanan minimum RM1,300 dalam Akaun 2, KWSP mereka.

"Jumlah pendaftaran meningkat dalam tempoh lima hari pertama, apabila 6,270 pencarum KWSP direkodkan mendaftar dengan TH untuk memperoleh giliran mengerjakan haji," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji 1432H di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji di sini, semalam.